

Headline	Waspada risiko selepas banjir TNB		
MediaTitle	Mingguan Malaysia	Language	Malay
Date	08 Jan 2017	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	18
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	97 cm ²		
PR Value	RM 4,317		



Waspada risiko selepas banjir – TNB

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menasihatkan orang ramai tidak menggunakan peralatan elektrik yang terendam dalam banjir bagi mengelakkan renjatan elektrik.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab. Rahman berkata, pengguna perlu memastikan suis dan perkakas elektrik yang terendam dalam air banjir diperiksa dan diuji terlebih dulu oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) sebelum digunakan semula.

“Peralatan elektrik yang terendam boleh menyebabkan litar pintas atau kebakaran. Sebelum menggunakan semula peralatan elektrik ia hendaklah dibersihkan dan dikeringkan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Peralatan elektrik yang terendam boleh menyebabkan litar pintas atau kebakaran. Sebelum menggunakan semula peralatan elektrik ia hendaklah dibersihkan dan dikeringkan.”

ROSLAN AB. RAHMAN
Ketua Pegawai Korporat TNB

Tambah Roslan, ibu bapa perlu mengawasi pergerakan anak-anak mereka supaya tidak menghampiri tiang elektrik yang turun bang dan kabel elektrik yang putus semasa banjir.

“Wayar elektrik sentiasa berisiko walaupun ia bertebat,” ujarnya.